

## Graduan Kejuruteraan Awam UMS Sedia Penuhi Pasaran Sektor Pembinaan Negara

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 18 Mei 2018 16:30 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 989

Kongsi 59

Syorkan 59

Kongsi

Tweet

Share



**JUMAAT, 18 MEI -**  
Kursus teknikal “Acuan dan Perancah Binaan” yang melibatkan pelajar Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu mengetengahkan kepada peserta tentang kemahiran teknikal serta pengalaman sebagai persediaan bakal graduan Kejuruteraan Awam untuk memenuhi pasaran sektor pembinaan negara.

Menurut pengarah program, Sahaluddin

Syah Jawaludi, program sebegini penting bagi pelajar-pelajar Kejuruteraan Awam sebagai salah satu medium pembelajaran selain daripada kuliah.

“Sesi seminar yang diadakan dapat menambah pengetahuan dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang sistem acuan dan perancah binaan.

“Bagi sesi praktikal pula, peserta berpeluang mencuba sendiri kaedah pemasangan sistem acuan dan perancah binaan, dan ini secara tidak langsung dapat menguatkan lagi kemahiran pelajar dan menambah pengalaman yang berharga,” katanya.

Sementara itu, pensyarah Kejuruteraan Awam, Sr. Asmawan Mohd Sarman berkata sepanjang program itu berlangsung, para pelajar berpeluang untuk dikenangkan dengan penggunaan teknologi mesin dan peralatan dari Jerman yang disediakan oleh Syarikat PERI Formwork Malaysia Sdn Bhd.

“Diharapkan program ini memberi pendedahan awal kepada pelajar yang bakal menempuh pasaran sektor pembinaan pada masa akan datang dan sekali gus mereka lebih bersedia dengan suasana kawasan pembinaan yang terkenal dengan 3D, iaitu, “Danger, Dirty and Difficult”.

“Selain itu, program ini juga dapat melahirkan graduan yang berkualiti, berkeyakinan dan berintegriti,” ujar beliau.

Pelajar tahun dua Kejuruteraan Awam, Fatin Munirah Mohd ketika berkongsi pengalaman beliau berkata, program ini sangat bermanfaat kepada pelajar yang mengambil jurusan kejuruteraan.

“Ini kerana graduan kejuruteraan seharusnya mempunyai pendedahan berkaitan perihal praktikal seperti penggunaan perancah di tapak pembinaan,” katanya.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu disertai seramai 70 pelajar dan pensyarah Kejuruteraan Awam.